JKR, DOSM nilai kesan krisis terhadap kos binaan

Faktor rantaian bekalan sedia ada turut pengaruhi kenaikan, selain konflik semasa

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi menilai kesan konflik di Asia Barat serta krisis tenaga susulan penutupan Selat Hormuz terhadap industri pembinaan negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, berkata perkongsian data dan statistik antara DOSM dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) penting untuk menentukan peratus sebenar kesan krisis berkenaan terhadap kenaikan harga bahan binaan.

Beliau berkata, DOSM mempunyai data serta kaedah pengiraan yang lebih tepat dan saintifik berbanding anggaran yang dikemukakan pihak industri.

"DOSM mempunyai angka dan kaedah pengiraan kadar inflasi yang diumumkan secara berkala serta boleh dipercayai, bukan sekadar anggaran.

"Ada persatuan kontraktor melaporkan kenaikan sehingga 30 atau 40 peratus, namun saya berpendapat angka itu tidak tepat.

"Kami sedang mendapatkan data sebenar dan telah menghubungi CIDB serta DOSM bagi menentukan kadar kenaikan bahan binaan yang tepat," katanya pada sidang media selepas lawatan ke tapak projek Pusat Aktiviti Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri, di sini, semalam.

Ahmad berkata, penilaian terperinci perlu dilakukan termasuk mengenal pasti komponen atau bahan dalam sektor pembinaan yang benar-benar terjejas akibat krisis tenaga.

Katanya, impak kenaikan kos bahan api berbeza mengikut jenis projek, dengan pembinaan serta penyenggaraan jalan raya dilaporkan menerima kesan lebih besar berbanding projek bangunan.

"Kontraktor jalan raya memaklumkan kenaikan harga diesel memberi kesan besar kerana penggunaan jentera yang tinggi.

"Sebaliknya, bagi projek pembinaan bangunan, kesan kenaikan diesel adalah lebih terhad kerana penggunaannya tidak begitu tinggi," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa kenaikan kos dalam sektor pembinaan tidak semestinya berpunca daripada konflik semasa sahaja, sebaliknya turut dipengaruhi faktor rantaian bekalan sedia ada.

4 peratus projek sakit

Sementara itu, Ahmad berkata, hanya empat peratus daripada 855 projek di bawah seliaan JKR di seluruh negara kini diklasifikasikan sebagai projek sakit, dengan antara puncanya ialah kelemahan pengurusan projek dan kewangan.

Mengulas kelewatan projek Pusat Aktiviti Setia Perdana yang terletak bersebelahan Puspanitapuri, beliau berkata, isu berkenaan akan dibincangkan dalam mesyuarat Panel Penyelarasan Kontrak (CCP) pada 21 April ini.

Katanya, projek bernilai RM19.7 juta itu sepatutnya siap pada Julai 2024, namun kini lewat hampir dua tahun dengan kemajuan semasa sekitar 75 peratus.

"Kontraktor sudah diberikan lanjutan masa sebanyak enam kali dan berkemungkinan kontraknya ditamatkan selepas mesyuarat CCP.

"Kementerian tidak menggalakkan pemberian lanjutan masa berulang kerana ia mencerminkan masalah pelaksanaan serta berpotensi meningkatkan kos projek.

"Jika kontrak ditamatkan, kerajaan perlu melantik kontraktor penyiap melalui tender baharu yang akan mengambil masa dua hingga tiga bulan serta membabitkan kos tambahan," katanya.